

**NO SOALAN :240**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE  
(PETALING JAYA UTARA)**  
**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [ PETALING JAYA UTARA ]**  
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tarikh dan jumlah bayaran yang telah diterima daripada konsortium Iskandar Waterfront Holdings dan China Raiway Engineering Corporation untuk pembelian Bandar Malaysia. Adakah bayaran-bayaran ini berbentuk “refundable” atau “non-refundable”, dan apakah *milestone* jadual bayaran yang akan datang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Perjanjian *Share Sale Agreement* (SSA) di antara TRX City Sdn Bhd (dahulu dikenali sebagai 1MDB Real Estate Sdn Bhd) dan konsortium

Iskandar Waterfront Holdings Berhad (IWH) bersama China Railway Engineering Corporation Sdn Bhd (CREC) telah ditandatangani pada 31 Disember 2015 untuk pembelian 60% kepentingan ekuiti di dalam Bandar Malaysia Sdn Bhd (BMSB).

Merujuk kepada SSA tersebut, deposit 10% berjumlah RM741 juta (iaitu 10% daripada 60% nilai tanah sebanyak RM12.35 bilion) telah diterima oleh TRX City Sdn Bhd. Seterusnya, baki bayaran akan dibuat secara pembayaran tertunggak (*deferred payment arrangement*, dengan izin), di mana konsortium IWH-CREC akan membayar faedah berjumlah 6% setahun ke atas jumlah tertunggak tersebut sehinggalah ia diselesaikan sepenuhnya.

Tuan Yang Dipertua,

Terdapat beberapa syarat atau *Condition Precedents* (dengan izin) yang perlu dilaksanakan oleh kedua-dua belah pihak dalam tempoh yang telah ditetapkan sebelum perjanjian SSA menjadi tanpa syarat atau *unconditional* (dengan izin). Syarat atau *Condition Precedents* (dengan izin) ini dijangka akan dimuktamadkan pada hujung tahun 2016.